



TANGGUNGJAWAB RAJA DALAM MENJAGA AGAMA¹

Harussani Zakaria

1. PENDAHULUAN

Raja merupakan komponen terpenting dalam sesebuah negeri atau negara. Jatuh bangunnya sesebuah negara juga diukur melalui kemampuan seseorang raja dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Hal ini kerana, raja bukan sahaja merupakan ketua bagi sesebuah negara atau negeri malahan peranannya yang sangat penting dalam menjaga hal ehwal berkaitan rakyatnya seperti agama yang dianuti, keselamatan dan hubungan diplomatik antara negeri atau negara. Perkara yang ingin diberi perhatian dalam kajian ini ialah tanggungjawab raja dalam memelihara kedaulatan agama. Sepertimana yang sedia maklum, agama memberi kesan penting bukan sahaja kepada pegangan individu malah ia turut mempengaruhi anutan bagi kelompok sesebuah masyarakat. Hal ini terbukti ketika zaman kesultanan Melayu Melaka apabila Parameswara (1400-1414) selaku Sultan Melaka yang pertama menganut agama Islam setelah berkahwin dengan seorang Puteri dari Masai maka seluruh penduduk Melaka ketika itu turut menganut agama Islam.² Jika dilihat kepada lipatan sejarah yang lampau, rakyat sangat mentaati raja mereka tanpa berbelah bagi sehingga agama yang dianuti oleh raja turut menjadi ikutan bagi sekalian rakyat jelata. Sehubungan dengan itu, raja adalah bertanggungjawab dalam memelihara kesucian agama khususnya agama Islam sebagai agama Persekutuan di Malaysia sepertimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.³ Ia adalah sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah S.A.W. selepas hijrah Baginda ke Madinah iaitu semasa pengisytiharan Perlembagaan Madinah yang antara lain menyatakan sekiranya timbul sesuatu perbalahan maka perlu merujuk kepada Allah S.W.T. dan Rasul-Nya S.A.W. sebagai jalan penyelesaian. Hal yang sama juga turut dilakukan oleh para sahabat r.a. selepas kewafatan Baginda S.A.W. dan ia berterusan sehingga kurun ke empat belas Hijrah.⁴ Justeru, kertas kerja ini akan menghuraikan lebih lanjut berkenaan raja dalam Islam dan tanggungjawab baginda dalam menjaga agama secara umum. Seterusnya, sejarah Raja-raja Melayu serta wasiat yang perlu dipikul oleh raja-raja Melayu dalam menjaga agama dan peranan D.Y.M.M. Raja Perlis dalam menjaga agama.

2. RAJA DALAM ISLAM

Kedudukan seseorang raja dalam Islam adalah sangat tinggi dan paling utama. Hal ini kerana, peranan Baginda bukanlah semata-mata menjaga hal urusan pentadbiran negerinya malah bertanggungjawab dalam menentukan hala tuju kedudukan agama Islam yang sudah semestinya perlu dipelihara akan kesuciannya serta memantau hal ehwal yang berkaitan dengannya. Secara umumnya, raja merupakan pemimpin tertinggi dengan

¹ Dibentangkan dalam Seminar Institusi Raja (SIRaj) pada 12 Jun 2014.

² http://ms.wikipedia.org/wiki/Sejarah_Melaka. Diakses pada 17 May 2014.

³ Rujuk Perkara 3 (1) dan Perkara 37 dalam Bahagian XV, Jadual Keempat, Bahagian I.

⁴ Al-Zuhayliyy, Muhammad. 2011. *Al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'iyy*. Damsyiq: Dar al-Qalam. Jil. 5. m. s. 258.

berbagai gelaran seperti imam, khalifah serta Amirul Mukminin.⁵ Ia turut digelar sebagai Khalifah Rasulullah S.A.W. atau lebih masyhur dengan gelaran Amirul Mukminin walau pun ia seorang yang fasik.⁶

2.1 DALIL-DALIL MENGENAINYA

Kedudukan seseorang raja dalam Islam sebagai salah seorang tokoh ikutan yang sangat dipertanggungjawabkan turut dijelaskan melalui nas daripada al-Quran dan al-Sunnah. Antaranya firman Allah S.W.T. di dalam surah al-Anbiya' ayat 73:

وَجَعَلْنَاهُمْ أَئِمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا وَأَوْحَيْنَا إِلَيْهِمْ فِعْلَ الْخَيْرَاتِ وَإِقَامَ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءَ الزَّكَاةِ وَكَانُوا لَنَا
عَبِيدِينَ ﴿٧٣﴾

Maksudnya: Dan Kami jadikan mereka ketua-ketua ikutan, yang memimpin (manusia ke jalan yang benar) dengan perintah kami dan kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebaikan dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat dan mereka pula sentiasa beribadat kepada Kami.

Seterusnya Allah S.W.T. berfirman di dalam surah al-Qasas ayat 41 - 42:

وَجَعَلْنَاهُمْ أَئِمَّةً يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ لَا يُنصَرُونَ ﴿٤١﴾ وَأَتَّبَعْنَاهُمْ فِي هَذِهِ الدُّنْيَا لَعْنَةً وَيَوْمَ
الْقِيَامَةِ هُمْ مِنَ الْمَقْبُوحِينَ ﴿٤٢﴾

Maksudnya: Dan Kami jadikan mereka ketua-ketua (dalam kesesatan) yang mengajak ke neraka (dengan kekufurannya) , dan pada hari kiamat pula mereka tidak mendapat sebarang pertolongan. Dan Kami iringi mereka dengan la'nat di dunia ini, dan pada hari kiamat pula adalah mereka dari orang-orang yang tersingkir (dari rahmat Kami) dengan sehina-hinanya.

Sabda Rasulullah S.A.W. yang diriwayatkan oleh Abi Bakrah r.a.⁷

السُّلْطَانُ ظُلُّ اللَّهِ فِي الْأَرْضِ، فَمَنْ أَكْرَمَهُ أَكْرَمَهُ اللَّهُ، وَمَنْ أَهَانَهُ أَهَانَهُ اللَّهُ.

Maksudnya: Sultan itu merupakan bayangan Allah S.W.T. di muka bumi. Barangsiapa yang memuliakannya (Sultan) maka dia dimuliakan oleh Allah dan barangsiapa yang menghinaanya maka dia dihina oleh Allah.

Seterusnya sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah S.A.W. telah bersabda mafhumnya:⁸

⁵ Ibid.

⁶ Al-Syarbiniyy, Muhammad al-Khatib. t.t. *Mughniyy al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'aniyy Alfaz al-Minhaj*. t.t.: Dar al-Fikr. Jil. 4. m. s. 132.

⁷ Al-Suyutiyy, Jalal al-Din bin Abi Bakr. *Al-Jami' al-Saghir fi Ahadith al-Basyir al-Nadhir*. Fasl fi al-Muhalliy bi al-Min Hadha al-Harf. no. hadis. 4815.

⁸ Ibid. no. hadis. 4817.

السُّلْطَانُ ظِلُّ اللَّهِ فِي الْأَرْضِ، يَأْوِي إِلَيْهِ الضَّعِيفُ، وَبِهِ يَنْتَصِرُ الْمَظْلُومُ، وَمَنْ أَكْرَمَ سُلْطَانَ اللَّهِ فِي الدُّنْيَا أَكْرَمَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Maksudnya: Sultan itu merupakan bayangan Allah S.W.T. di muka bumi. Orang-orang yang lemah bergantung kepadanya. Dia pula (Sultan) membantu orang-orang yang dizalimi. Barangsiapa memuliakan Sultan yang dipilih oleh Allah S.W.T. di dunia nescaya dia dimuliakan oleh Allah di hari kiamat.

2.3 SYARAT-SYARAT BAGI IMAM ATAU RAJA

Terdapat beberapa syarat penting yang perlu dipenuhi dalam melantik seseorang menjadi raja atau imam sebelum ditauliahkan serta diberi bai'ah oleh rakyat kepadanya iaitu:⁹

1) Beragama Islam

Seseorang raja itu hendaklah seorang yang menganut agama Islam supaya ia dapat melaksanakan segala hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam sesuai dengan tuntutanannya. Di samping itu, ia turut memelihara kebajikan serta masalah agama Islam dan umatnya. Maka, tidak sah jika seseorang raja itu dilantik di kalangan orang kafir.

2) Berkemampuan dalam melaksanakan tanggungjawab

Seseorang raja itu hendaklah telah mencapai peringkat baligh, serta berakal supaya dapat melaksanakan tugas berkenaan ke atas rakyatnya. Oleh itu, tidak sah jika kepimpinan itu dilaksanakan oleh kanak-kanak atau orang gila menurut ijmak ulama.

3) Lelaki

Disyaratkan juga agar raja itu seorang lelaki yang melayakkannya bagi melaksanakan tugas selaku khalifah dan membolehkannya bergaul dengan golongan pemimpin lain di kalangan lelaki. Justeru, adalah tidak layak dan tidak sah sekiranya tugas kepimpinan itu diterajui oleh wanita kerana terdapat larangan daripada Rasulullah S.A.W. mengenainya.

4) Adil

Seseorang raja itu hendaklah bersikap adil iaitu melazimkan dirinya dalam melaksanakan segala tuntutan syarak serta menjauhi diri daripada terlibat dengan dosa-dosa besar dan tidak berkekalan dalam melakukan dosa-dosa kecil.

5) Berilmu

Hendaklah bagi seseorang raja itu mempunyai ilmu berkenaan hukum syarak yang ditadbirnya. Ia perlu melaksanakan segala hukum-hukum tersebut serta beramal dengannya.

⁹ Al-Zuhayliyy, Muhammad. 2011. *Al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'iy*. Damsyiq: Dar al-Qalam. Jil. 5. m. s. 258-260.

6) Berkemampuan dalam berijtihad

Hendaklah tahap keilmuan yang dimiliki oleh seseorang raja itu dapat membantunya untuk mengeluarkan hukum-hukum terhadap perkara-perkara yang bersifat kontemporari. Di samping dapat membantu dalam menyelesaikan isu-isu yang sering berlegar di kalangan rakyat yang dipimpinnya. Ia dilihat lebih berwibawa apabila seseorang raja itu telah berpengalaman serta berkemampuan dalam menanganinya. Dalam keadaan sekarang, perlunya seseorang Raja mendapat nasihat yang betul oleh para ulama dan ilmun yang amanah dan tiada berkepentingan.

7) Berani

Hendaklah seseorang raja itu mempunyai kekuatan dalaman untuk bertindak sama ada dalam keadaan aman atau bahaya. Hal ini perlu supaya seseorang raja itu sentiasa berada dalam keadaan bersiap sedia terhadap segala kemungkinan yang bakal berlaku.

8) Berkeupayaan dalam mengeluarkan pendapat

Sesuatu pendapat yang dikeluarkan oleh seseorang raja itu perlu berasaskan prinsip siyasah syar'iyah serta pengurusan pentadbiran semasa.

9) Berketurunan Quraisy

Ia berasaskan susur galur pemerintahan selepas kewafatan Baginda S.A.W. iaitu Khulafa' al-Rasyidin yang berketurunan Quraisy namun tidaklah disyaratkan pula dari suku Bani Hasyim. Jika seseorang raja itu didapati bukan berketurunan Quraisy maka memadailah dengan dipilih sesiapa yang keturunannya hampir dengan golongan Quraisy.

10) Sempurna pancaindera

Hendaklah seseorang raja itu berkemampuan untuk mendengar, melihat, bertutur serta berkeupayaan dalam melakukan sesuatu perkara yang membolehkannya untuk mengenali, memahami serta membezakan di antara sesuatu perkara itu. Tidak pula disyaratkan bagi raja itu bersifat maksum kerana sifat tersebut hanyalah ada di kalangan para nabi sahaja.

3. TANGGUNGJAWAB RAJA DALAM MENJAGA AGAMA SECARA UMUM

Peranan atau tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh seseorang raja dalam menjaga agama sepertimana yang telah disebutkan oleh para ulama adalah seperti berikut:¹⁰

- i) Seseorang raja itu perlu memastikan agar segala bentuk perundangan yang terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah terpelihara serta dilaksanakan mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan oleh Syarak. Dalam melaksanakan sesuatu hukum, Baginda perlu mendapatkan nasihat terlebih dahulu di kalangan alim ulama atau mufti agar tidak timbul sesuatu masalah yang boleh membawa kepada fitnah atau kekeliruan di kalangan rakyat.

¹⁰ Al-Khin, Mustafa et al. 2006. *Al-Fiqh al-Manhajiy 'ala Mazhab al-Imam al-Syafi'iy rahimahullahu ta'ala*. Damsyiq: Dar al-Qalam. Jil. 3. m. s. 614 - 615. Lihat juga al-Anbariyy, Khalid 'Aliyy Muhammad. 2008. *Sistem Politik Islam Menurut Pandangan al-Quran, al-Hadis dan Pendapat Ulama Salaf* (terjemahan). Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd. m. s. 190 - 197.

- ii) Baginda juga perlu melaksanakan jihad dalam memerangi golongan musuh sama ada di kalangan orang-orang Kafir atau tali barut di kalangan orang-orang Islam sendiri. Hal ini kerana di antara agenda musuh terhadap negara ialah melumpuhkan sistem perundangan yang sedia ada dengan menerapkan unsur-unsur lain yang bertentangan seperti colonialisme, sekularisme, komunisme dan sebagainya. Justeru, persiapan dari sudut ketenteraan adalah satu kekuatan yang perlu bagi menimbulkan kegenteraan di kalangan pihak musuh seterusnya dapat mematahkan segala usaha buruk mereka di samping pemberontakan yang cuba ditimbulkan.
- iii) Di samping itu, usaha penyebaran dakwah perlu diterapkan di seluruh peringkat yang bukan sahaja bertujuan untuk menerapkan kefahaman rakyat mengenai ajaran Islam bahkan memastikan kesinambungan masa depan agama Islam terus bergerak maju seiring dengan pembangunan material masa kini.
- iv) Adalah menjadi satu kewajaran bahawa setiap bentuk pelaksanaan mengenai dasar-dasar Islam perlu dilakukan oleh badan tertentu seperti badan eksekutif yang terdapat di dalamnya menteri yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal agama Islam. Hal yang demikian kerana tugas seseorang raja itu cukup luas dan ada kalanya ia tidak dapat memberi sepenuh tumpuan terhadap sesuatu perkara dalam satu-satu masa maka dalam hal ini ia perlu dibantu oleh pihak lain yang bertindak bagi pihak Baginda.
- v) Dalam masa yang sama, Baginda perlu memastikan setiap tuntutan dan tanggungjawab yang diperintahkan melalui Syarak dilaksanakan menurut kaedahnya yang betul serta dipantau oleh pihak yang bertanggungjawab mengenainya bagi mengelakkan sebarang bentuk penyelewengan mahupun ketidakadilan yang timbul.
- vi) Seseorang raja itu bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keamanan dan kestabilan sesebuah negara sehingga setiap perkara yang terkandung di dalamnya turut terjamin akan pemeliharannya itu. Selain daripada itu, Baginda juga perlu meletakkan perancangan bagi sebarang bentuk aktiviti-aktiviti yang menyumbang ke arah pembangunan rakyat dari sudut spiritual mahupun material.¹¹

4. SEJARAH RAJA-RAJA MELAYU

Secara umum, pemerintahan beraja merupakan satu sistem pemerintahan yang telah wujud di kebanyakan negeri-negeri Melayu sejak abad ke 15. Istilah yang digunapakai bagi sistem ini ialah sistem monarki yang meletakkan raja sebagai ketua bagi sesebuah negara.¹² Sebelum era penjajahan British, sistem pemerintahan beraja ini telah dibantu oleh pembesar-pembesar dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan oleh baginda. Baginda adalah berkuasa mutlak dalam semua perkara maka setiap titah perintah daripada baginda tidak boleh disanggah oleh sesiapa pun. Rakyat yang ditadbir perlu memberi taat setia yang sepenuhnya kepada baginda demi menjamin kestabilan dan keamanan sesebuah negeri berkenaan. Sebelum Perang Dunia Kedua iaitu semasa era penjajahan British, raja atau sultan merupakan pemerintah yang berdaulat dan masih mempunyai kuasa penuh di negeri-negeri yang ditadbir namun apabila termeterai beberapa perjanjian

¹¹ Sabiq, Sayyid. 1973. *Anasir al-Quwwah fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabiyy. m. s. 201.

¹² http://ms.wikipedia.org/wiki/Pemerintahan_beraja. Diakses pada 19 Mei 2014.

dengan British, baginda perlu menerima pegawai British yang dilantik sebagai Residen atau Penasihat British bertujuan untuk menasihati baginda dalam semua urusan pentadbiran kecuali yang menyentuh tentang agama Islam. Keadaan ini berlarutan sehingga pihak British memperkenalkan kepada Raja-raja Melayu mengenai Perlembagaan Malayan Union pada tahun 1946. Perlembagaan ini meletakkan kedudukan Sultan hanya berkuasa dalam adat istiadat Melayu dan agama Islam sahaja manakala kuasa pentadbiran negeri ditadbir oleh Gabenor. Namun akibat penentangan orang-orang Melayu terhadapnya, perlembagaan ini dibubarkan dan diganti dengan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Menerusi perlembagaan baru ini, hak-hak Sultan telah dikembalikan semula di samping mempunyai hak untuk mengambil tahu hal-hal berkenaan penggubalan undang-undang. Perlembagaan ini kemudiannya dikenali sebagai Perlembagaan Persekutuan Malaysia pada Hari Malaysia bertarikh 16 September 1963. Walau bagaimanapun, sistem pemerintahan beraja masa kini telah dikenali sebagai Raja Berperlembagaan.

5. ANTARA TUJUH WASIAT DAN PERANAN RAJA-RAJA MELAYU DALAM MENJAGA AGAMA

Raja-raja Melayu bukan sahaja berperanan sebagai ketua negeri malah ketua agama Islam bagi negeri yang ditadbir oleh baginda. Dengan merujuk Perlembagaan Persekutuan, antara kewajipan penting bagi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selaku Ketua Utama Negara ialah memelihara kesucian agama Islam pada setiap masa.¹³ Hal ini diperkuatkan lagi dengan sumpah Yang di-Pertuan Agong ketika mana baginda dimasyhurkan untuk mentadbir negara.

Salah satu perkara yang perlu diberi perhatian ialah mengenai tujuh wasiat Raja-raja Melayu¹⁴ iaitu Kami isytiharkan Islam adalah agama Persekutuan. Ia selari dengan apa yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu pada Perkara 3 (1) secara jelas menyatakan Islam ialah agama bagi Persekutuan. Justeru, peranan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara dalam memelihara kesucian agama Islam dibuktikan melalui lafaz sumpah baginda iaitu:¹⁵

Wallahi: Wabillahi: Watallahi:

maka dengan lafaz ini berikrarlah Kami dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya mengaku akan taat setia pada menjalankan dengan adilnya pemerintahan bagi Malaysia dengan mengikut sebagaimana undang-undang dan Perlembagaan yang telah disahkan dan dimasyhurkan dan akan disah dan dimasyhurkan di masa hadapan ini. Dan lagi Kami berikrar mengaku dengan sungguh dan dengan sebenarnya memelihara pada setiap masa Agama Islam dan berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam Negeri.

¹³ Rujuk Perkara 3 (5).

¹⁴ Wasiat Raja-raja Melayu merujuk kepada 7 wasiat yang disampaikan semasa [Raja-raja Melayu](#) semasa menurukan tandatangan persetujuan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957. Sumber: http://ms.wikipedia.org/wiki/Wasiat_Raja-raja_Melayu. Diakses pada 19 Mei 2014.

¹⁵ Rujuk Perkara 37 dalam Bahagian XV, Jadual Keempat, Bahagian I.

6. PERANAN DYMM RAJA PERLIS DALAM MENJAGA AGAMA

Antara contoh yang menarik untuk dikaji ialah kedudukan serta peranan DYMM Raja Perlis dalam menjaga kesucian agama Islam. Ia bertitik tolak dari susur galur keturunan baginda sehinggalah kepada corak pemerintahan yang dilaksanakan sebagai satu bentuk peranan yang dimainkan oleh baginda sepanjang memerintah negeri Perlis Indera Kayangan.

6.1 SUSUR GALUR KETURUNAN DYMM RAJA PERLIS¹⁶

Jika diteliti dari sudut salasilah keturunan DYMM Raja Perlis ini, ia didapati bersambung terus dengan Rasulullah S.A.W. pada sebelah cucunya yang bernama Saidina Hussein r.a. yang merupakan anak kepada Saidina Ali r.a. yang telah berkahwin dengan anak Baginda yang bernama Saidatina Fatimah r.a. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa D.Y.M.M. Raja Perlis adalah berketurunan Ahlul Bait r.a.¹⁷

Baginda DYMM Raja Perlis adalah berketurunan Arab dengan peranakan Palembang dan berasal dari Hadramaut, Yaman. Moyang Baginda yang bernama Syed Harun Jamalullail merupakan seorang pendakwah yang tinggal di Chenak iaitu sebuah daerah di Songkhla, Thailand sebelum berpindah semula ke Kedah. Keperibadian beliau yang tinggi dan warak telah disenangi oleh pemerintah Kayang ketika itu yang bernama Tengku Dhiauddin Mukarram Shah. Oleh kerana itu juga, beliau telah dilantik sebagai Penghulu Arau yang pertama setelah mengahwini Puteri kepada Sultan Dhiauddin Mukarram Shah yang bernama Tengku Safiah atau lebih dikenali sebagai Tengku Tunjong pada tahun 1798.

Seterusnya, Putera kepada Syed Harun Jamalullail yang bernama Syed Hussein Jamalullail telah dibesarkan oleh Nenda angkatnya iaitu Tengku Dhiauddin Mukarram Shah.¹⁸ Beliau juga dilatih dengan menjadi kerani kepada Sultan Kedah iaitu Sultan Ahmad Tajuddin. Dengan kebijaksanaan dan keberanian yang dimiliki, Syed Harun Jamalullail telah berjaya mempertahankan Kedah dan Perlis daripada penaklukan Raja Ligor dari Siam pada tahun 1821. Beliau juga turut mengadakan rundingan dengan Raja Ligor untuk menyerahkan kembali pemerintahan dan jajahan Kedah kepada Sultan Ahmad Tajuddin. Sebagai menghargai akan jasa dan pengorbanannya itu, beliau telah menerima ampun kurniaan untuk memerintah Kayang yang kemudian diberi nama "Perlis Indera Kayangan" pada tahun 1843.

6.2 CORAK PEMERINTAHAN DYMM RAJA PERLIS

Baginda DYMM Raja Perlis adalah bertanggungjawab dalam menyusun sistem pemerintahan negeri Perlis. Baginda juga berkewajipan dalam melantik pegawai-pegawai negeri daripada kalangan yang "berbangsa akalnya" iaitu berpengetahuan dalam undang-

¹⁶ Zaini, Mohd Annuar. 2014. *Seminar Institusi Raja (SIRaj): Seminar Raja dan Kerajaan Perlis*. Bil: 24 dlm MNPK A35. Fail Seminar. Ipoh: Jabatan Mufti Negeri Perak. 29 April.

¹⁷ Mohamad, Muzaffar & Tun Othman, Tun Suzana. 2009. *Ahlul Bait (Family) of Rasulullah S.A.W. & Malay Sultanates*. Kuala Lumpur: Crescent News. m. s. 153 – 157. Lihat <http://www.perlisroyalty.gov.my/bm/salasilah/jamalullail.htm>.

¹⁸ Mohamad, Hussain Baba. December 1969. *Sejarah Negeri dan Raja-raja Perlis*. Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. Vol. 42. No. 2 (216) m. s. 173 - 196.

undang dan agama.¹⁹ Pada asalnya, baginda telah menggunakan Undang-undang Adat Kesultanan Kedah sebagai rujukan asas kepada perundangan negeri.

Kebajikan rakyat turut dititikberatkan oleh baginda iaitu selari dengan prinsip *Maqasid Syariah* seperti larangan menjual padi dan beras ke luar negeri untuk memastikan bekalan mencukupi dan harga beras terkawal.

Adapun pelaksanaan undang-undangnya adalah berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah.²⁰ Hal ini dapat dibuktikan melalui penguatkuasaan dalam undang-undang perdagangan yang meliputi urusan timbang dan sukat. Di samping itu, turut digariskan peraturan dan hukuman berkaitan jenayah bunuh, qazaf, mencuri, perkahwinan dan penceraian, murtad, menjadi saksi, perdagangan haram dan sebagainya. Penggunaan ijtihad turut diimplimentasikan dalam undang-undang selain terdapat unsur adat dalam pelaksanaan takzir.²¹

Jawatan Kadi Besar mula diperkenalkan pada tahun 1873 yang disandang oleh Syed Muhammad al-Haddad yang berketurunan Arab peranakan dari Hadramaut. Seterusnya, jawatan Mufti pula diwujudkan semasa era pemerintahan Raja Syed Alwi Jamalullail dan dilantik Tuan Haji Muhammad Nor bin Haji Muhammad sebagai Mufti Perlis yang pertama dari tahun 1920 sehingga 1941.

Semasa pemerintahan baginda juga, Majlis Agama Islam Perlis telah ditubuhkan mengikut Undang-undang Mahkamah Syariah pada tahun 1920.²² Seterusnya pada tahun 1948, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis telah diasaskan untuk memberi nasihat kepada DYMM Raja berkenaan hal ehwal agama Islam dan adat Melayu. Jabatan Agama Islam Perlis turut ditubuhkan di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis pada tahun 1963 berikutan kelulusan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis no. 3.

7. KESIMPULAN

Di dalam Islam, raja dianggap sebagai khalifah Allah di muka bumi maka oleh kerana itu rakyat mestilah memberikan sepenuh ketaatan kepada baginda selagi mana ia tidak bertentangan dengan ajaran Islam atau yang menjurus kepada perkara-perkara maksiat. Zaman Kesultanan Melayu merupakan tunjang kepada pemerintahan rakyat di kepulauan Melayu khasnya sejak dahulu lagi. Walaupun ia telah melalui pelbagai bentuk perubahan dari sudut corak pentadbiran atas faktor penjajahan namun kedudukan agama Islam tetap terpelihara. Hal ini dibuktikan melalui kedudukan raja sebagai ketua agama Islam masih terus utuh dalam mentadbir segala urusan hal ehwal Islam. Di samping itu, baginda turut dibantu oleh Mufti sebagai penasihat agama Islam kepada baginda serta Majlis Agama Islam negeri dalam melancarkan segala urusan pentadbiran hal ehwal Islam berpandukan hukum Syarak. Manakala negeri Perlis pula mempunyai keistimewaan yang tersendiri apabila pelaksanaan undang-undang hanyalah berpandukan al-Quran dan al-Sunnah dan

¹⁹ Harun, Jelani. 2008. *Undang-undang Kesultanan Melayu Dalam Perbandingan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia. m. s. 184 – 194.

²⁰ Yasan, Adi AA et al. 2012. *Undang-undang Kedah Manuscript: A Law Canon of an Early Malay State*. *Advances in Natural and Applied Sciences*. Vol. 6. No. 3. m. s. 459 – 466.

²¹ *Ibid*.

²² Kasan, Hasnan. 2006. *Penginstitutionian Pentadbiran Hukum Syarak di Semenanjung Malaysia*. Sari. Vol. 24. m. s. 173 – 189.

tidak terikat dengan mana-mana pandangan dari mazhab yang lain. Justeru, perbezaan ini adalah bertitik tolak dari susur galur keturunan seseorang raja yang memerintah yang turut mempengaruhi corak pentadbiran serta perundangan Islam yang dilaksanakan. Sungguhpun begitu, keharmonian di antara negeri-negeri yang lain dalam pengamalan Syariah tetap terpelihara kerana masing-masing mempunyai matlamat dan hala tuju yang sama iaitu memastikan kedudukan agama Islam sentiasa berada di tempat teratas dari segenap sudut dalam lapangan kehidupan rakyat.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

1. Basmeih, Abdullah bin Muhammad. 1974. *Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. t.t.: Jabatan Perdana Menteri. Jil. 2.

Hadis

1. Al-Suyutiyy, Jalal al-Din bin Abi Bakr. 2004. *Al-Jami' al-Saghir fi Ahadith al-Basyir al-Nadhir*. Beirut: Lubnan. Jil. 2.

Disertasi

1. Ismail, Mohd Zamani. 2004. *Hak Politik Bukan Islam Menurut Perspektif Islam dan Perlembagaan Persekutuan*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: University Malaya.

Jurnal

1. Kasan, Hasnan. 2006. *Penginstitusian Pentadbiran Hukum Syarak di Semenanjung Malaysia*. Sari. Vol. 24.
2. Mohamad, Hussain Baba. December 1969. *Sejarah Negeri dan Raja-raja Perlis*. Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. Vol. 42. No. 2 (216).
3. Yasran, Adi AA et al. 2012. *Undang-undang Kedah Manuscript: A Law Canon of an Early Malay State*. *Advances in Natural and Applied Sciences*. Vol. 6. No. 3.

Buku

1. Al-Anbaryyy, Khalid 'Aliyy Muhammad. 2008. *Sistem Politik Islam Menurut Pandangan al-Quran, al-Hadis dan Pendapat Ulama Salaf* (terjemahan). Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
2. Al-Anbaryyy, Khalid bin 'Aliyy bin Muhammad. 2004. *Fiqh al-Siyasah al-Syar'iyyah fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah wa Aqwal Salaf al-Ummah*. Kaherah: Dar al-Minhaj.
3. Al-Farra', Muhammad bin al-Hussayn. 2000. *Al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
4. Al-Khin, Mustafa et al. 2006. *Al-Fiqh al-Manhajiyy 'ala Mazhab al-Imam al-Syafi'iyy rahimahullahu ta'ala*. Damsyiq: Dar al-Qalam. Jil. 3.

5. Al-Mawardiyy, 'Aliyy bin Muhammad bin Habib. 1989. *Kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyyah*. Kuwait: Maktabah Dar Ibnu Qutaybah.
6. Al-Syarbiniyy, Muhammad al-Khatib. t.t. *Mughniyy al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'aniyy Alfaz al-Minhaj*. t.t.: Dar al-Fikr. Jil. 4.
7. Al-Zuhayliyy, Muhammad. 2011. *Al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'iyy*. Damsyiq: Dar al-Qalam. Jil. 5.
8. Harun, Jelani. 2008. *Undang-undang Kesultanan Melayu Dalam Perbandingan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
9. Mohamad, Muzaffar & Tun Othman, Tun Suzana. 2009. *Ahlul Bait (Family) of Rasulullah S.A.W. & Malay Sultanates*. Kuala Lumpur: Crescent News.
10. Sabiq, Sayyid. 1973. *Anasir al-Quwwah fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabiyy.

Dokumen

1. Malaysia. t.t. Perlembagaan Persekutuan.
2. Zaini, Mohd Annuar. 2014. *Seminar Institusi Raja (SIRaj): Seminar Raja dan Kerajaan Perlis*. Bil: 24 dlm MNPk A35. Fail Seminar. Ipoh: Jabatan Mufti Negeri Perak. 29 April.

Laman web

1. http://ms.wikipedia.org/wiki/Sejarah_Melaka
2. http://ms.wikipedia.org/wiki/Pemerintahan_beraja.
3. http://ms.wikipedia.org/wiki/Wasiat_Raja-raja_Melayu.
4. <http://www.perlisroyalty.gov.my/bm/salasilah/jamalullail.htm>